

PENGARUH CIRI PERSONALITI TERHADAP MATLAMAT KERJAYA SEBAGAI USAHAWAN DALAM KALANGAN MAHASISWA UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

Sazali Bin Saad

*Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz
sazali@uum.edu.my*

Iskandar Bin Adon

*Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah
Iskan975@uum.edu.my*

Mohd Raime Bin Ramlan

*Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz
raime@uum.edu.my*

PM Ts Dr. Aidi Bin Ahmi

*Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz
aidi@uum.edu.my*

Dzarfan Bin Abdul Kadir

*Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz
dzarfan@uum.edu.my*

Universiti Utara Malaysia

ABSTRAK

Kementerian Pengajian Tinggi telah melancarkan Dasar Pembangunan Keusahawanan yang bertujuan untuk menggalakkan pendidikan dan pembangunan keusahawanan yang lebih terancang dan holistik dalam kalangan mahasiswa. Dalam konteks pendidikan, kurikulum yang berhubung kait dengan komponen usahawan perlu diberi penekanan dalam usaha menanam minat keusahawanan kepada mahasiswa. Sehubungan itu, program yang berkait dengan kecenderungan keusahawanan perlu dilaksanakan untuk menjayakan matlamat pembudayaan keusahawanan dalam kalangan mahasiswa. Tanpa penglibatan pelajar yang menyeluruh dalam program yang dijalankan, memperlahankan usaha membentuk pelajar ke arah kerjaya keusahawanan. Justeru, kajian ini dijalankan untuk melihat hubungan ciri personaliti terhadap matlamat kerjaya sebagai usahawan dalam kalangan mahasiswa Universiti Utara Malaysia (UUM). Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan melalui soal selidik bagi mengumpul data, melibatkan pelajar-pelajar yang sedang mengikuti kursus Asas Keusahawanan di UUM. Dapatan kajian menunjukkan bahawa untuk menjadi usahawan, ciri personaliti, adalah elemen utama yang menjadi satu keperluan.

Kata kunci : *Keusahawanan, ciri personaliti, matlamat kerjaya, usahawan*

Pengenalan

Keusahawanan ialah satu proses menjalankan perniagaan sendiri (Greene, 2000). Konsep keusahawanan hanya popular dalam kalangan masyarakat Malaysia pada pertengahan tahun 1970-an. Konsep ini mula timbul dalam konteks penggubalan dan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dalam Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975), yang bertujuan menyusun semula masyarakat dengan mewujudkan sebuah Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB). Salah satu langkah yang boleh dilaksanakan ialah menambah golongan usahawan yang berjaya, iaitu dengan mewujudkan seberapa ramai usahawan yang melibatkan diri secara langsung dan aktif dalam menguruskan perniagaan sendiri serta mempunyai daya tahan dan daya saing (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1995). Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) telah menggariskan bidang keusahawanan sebagai pemangkin transformasi yang bertujuan menyumbang kepada peningkatan kualiti institusi pengajian tinggi negara.

Trasformasi Malaysia daripada ekonomi berasaskan pengetahuan kepada ekonomi berpaksikan inovasi dalam mencapai aspirasi untuk menjadi negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 yang memerlukan sokongan modal insan yang berkualiti dan kompetitif. Sehubungan itu, Kementerian Pengajian Tinggi telah melancarkan Dasar Pembangunan Keusahawanan Institusi Pengajian Tinggi pada 13 April 2010 yang bertujuan untuk menggalakkan pendidikan dan pembangunan keusahawanan yang lebih terancang dan holistik dalam kalangan mahasiswa. Pelaksanaan inisiatif berpandukan dasar tersebut diharap dapat melahirkan siswazah yang mempunyai nilai, pemikiran dan atribut keusahawanan yang mampu membantu dalam peningkatan ekonomi negara. Dalam konteks pendidikan, keusahawanan merupakan langkah utama untuk menanamkan kecenderungan pelajar terhadap keusahawanan. Zaidatol Akmaliah (1997) menyarankan kurikulum pendidikan yang berhubung kait dengan komponen usahawan perlu diberi penekanan dalam usaha mendedahkan dan menanam minat keusahawanan kepada pelajar. Kurikulum dan program-program yang berkait rapat dengan pembentukan kecenderungan keusahawanan perlu dilaksanakan untuk menjayakan matlamat pembudayaan keusahawanan dalam kalangan pelajar.

Namun, tanpa penglibatan pelajar yang menyeluruh dalam program-program yang dijalankan memperlakikan usaha membentuk pelajar ke arah kerjaya keusahawanan ini. Sambutan mahasiswa yang kurang dalam bidang keusahawanan juga disebabkan oleh faktor keyakinan dan tidak bersedia untuk menghadapi risiko kegagalan. Justeru, kajian ini dijalankan untuk melihat hubungan ciri personaliti, efikasi sendiri, jangkaan hasil dan minat terhadap matlamat kerjaya sebagai usahawan dalam kalangan mahasiswa Universiti Utara Malaysia.

Program pembangunan kemahiran keusahawanan dalam kalangan mahasiswa di institut pengajian tinggi (IPT) telah mula diperkenalkan sejak 1989 lagi dengan tujuan untuk mendedahkan mahasiswa kepada dunia perniagaan secara teori dan pratikal. Pelbagai penambahbaikan telah dibuat terhadap program keusahawanan ini agar siswazah terus menceburi dunia perniagaan dan cenderung bekerja sendiri selepas tamat pengajian. Penekanan terhadap pembangunan modal insan yang berpersonaliti unggul juga telah mendorong IPT awam menyediakan modul program pembangunan kemahiran insaniah secara tersusun dan bersistematik (Fairus, et. al, 2005) termasuklah pembangunan kemahiran usahawan. Bermula sesi akademik 2017/2018 program pembelajaran keusahawanan di IPT terutamanya universiti awam (UA) telah dimantapkan lagi menerusi pengenalan Modul Baharu Kursus Asas Keusahawanan Institut Pendidikan Tinggi. Walaupun pelbagai usaha kerajaan di dalam menggalakkan rakyat terutamanya siswazah menceburi bidang usahawan, namun hasil kajian Jabatan Perangkaan Malaysia (2009)

mendapati peratusan usahawan di Malaysia masih agak kecil iaitu tidak melebihi 26 peratus daripada keseluruhan penduduk bekerja dalam tempoh 25 tahun. Di lihat kepada kadar pengangguran dan pengangguran belia negara, ia masih berada pada tahap yang agak tinggi iaitu masing-masing pada 3.4% 10.8%. Sebagai perbandingan, kadar pengangguran belia di Malaysia lebih tinggi dari Singapura (4.6%), Thailand (5.9%), Vietnam (7.9%), India (10.5%) dan setara dengan Indonesia (10.8%).

Di antara faktor yang mendorong tingginya kadar pengangguran tersebut adalah ekoran penawaran kerja yang terhad berbanding dengan graduan yang tinggi saban tahun. Isu pengangguran dalam kalangan belia terutamanya graduan mampu memberi impak yang negatif kepada kemajuan dan pembangunan negara. Graduan adalah golongan terpelajar dan diharapkan mampu melakukan sesuatu perubahan yang positif di dalam memacu ekonomi negara di masa depan. Graduan perlu mengubah mentaliti makan gaji kepada kerjaya sebagai usahawan. Adalah diharapkan juga melalui program usahawan, peruntukan dana kerajaan yang besar tadi dapat dimanfaatkan sepenuhnya dan tidak dilaksanakan sekadar memenuhi keperluan akademik semata-mata.

Menurut Zain, Akram dan Ghani (2010), seorang usahawan biasanya melibatkan keberanian dalaman, cita-cita dan perasaan untuk berdikari tanpa bergantung kepada orang lain. Seorang individu mungkin mempunyai potensi untuk menjadi usahawan tetapi tidak membuat apa-apa peralihan ke dalam keusahawanan kecuali mereka yang mempunyai niat memberikan pandangan dan idea untuk memperkembangkan perniagaan mereka.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan melalui soal selidik bagi mengumpul data, melibatkan pelajar-pelajar yang sedang mengikuti kursus Asas Keusahawanan di Universiti Utara Malaysia. Kajian ini menyediakan pautan (*link*) soal selidik untuk diisi oleh pelajar. Populasi kajian adalah merangkumi semua pelajar yang sedang mengikuti kursus Asas Keusahawanan di IPTA di UUM. Jumlah populasi pelajar SADE1013 Asas Keusahawanan bagi A181 adalah: 2948, sampel saiz: 322-357. Kaedah pensampelan bersesuaian adalah persampelan rawak mudah. Kaedah kutipan data secara online.

Definisi konsep

Ciri Personaliti (CP) merangkumi sifat, tingkah laku, emosi dan pemikiran yang memperihalkan penyesuaian individu terhadap pelbagai situasi dalam kehidupan beliau. Ciri atau trait pula didefinisikan sebagai “organisasi dinamik dalam diri individu, merangkumi sistem psikologikal yang menentukan bentuk tingkahlaku, pemikiran dan perasaan beliau” (Carver & Scheier, 2000, m.s. 5). Dalam kajian ini, ciri personaliti iaitu neurotisme, ekstraversi, kehematan, keterbukaan dan kesetujuan dihuraikan berdasarkan Model Lima Faktor (Goldberg, 1960).

Dapatan kajian dan perbincangan

Kajian ini melibatkan seramai 564 responden. Melalui keputusan yang diperoleh, peratusan bagi pelajar perempuan adalah 76.8 peratus manakala bagi pelajar lelaki adalah 23.2 peratus. Ini menunjukkan bahawa majoriti lebih terarah kepada pelajar perempuan. Terdapat 15 buah fakulti di Universiti Utara Malaysia. School of Business Management paling tinggi peratusannya iaitu

sebanyak 19.1 peratus yang mengambil kursus keusahawanan. Diikuti School of Economic, Finance and Business sebanyak 18.4 peratus. Manakala yang ketiga tertinggi daripada Tunku Puteri Intan Safinaz School of Accountancy sebanyak 11.9 peratus. Di Universiti Utara Malaysia, terdapat 36 pilihan bidang pengajian, Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dengan Kepujian adalah peratusan yang tertinggi iaitu 13.1 peratus. Diikuti Sarjana Muda Sains Ekonomi dengan Kepujian dan Sarjana Muda Perakaunan dengan Kepujian yang berkongsi peratusan yang sama iaitu 8.9 peratus. Seterusnya Sarjana Muda Kewangan dengan Kepujian sebanyak 6.0 peratus.

Di UUM, terdapat kepelbagaian etnik iaitu kaum Melayu, Cina dan India. Dalam kajian ini, peratusan tertinggi adalah etnik Melayu iaitu sebanyak 63.8 peratus dan yang terendah adalah etnik India sebanyak 5 peratus. Manakala bagi etnik Cina adalah sebanyak 27.7 peratus. Bagi menjayakan kajian ini, lain-lain etnik juga telah diambilkira. Responden yang telah menjawab soal selidik ini, terdapat 12 etnik yang diperolehi. Peratusan tertinggi adalah daripada etnik Indonesia iaitu sebanyak 0.9 peratus. Diikuti etnik Siam sebanyak 0.4 peratus. Manakala bagi etnik Bugis Bumiputera Sabah, Buton, Dusun, Eurasian, Iban, India Muslim, Siam dan Sungai mempunyai peratusan yang sama iaitu sebanyak 0.2 peratus.

Jadual 1: Ahli keluarga yang terlibat dalam bidang keusahawanan

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid Ya	260	46.1	46.1	46.1
Tidak	304	53.9	53.9	100.0
Total	564	100.0	100.0	

Kajian ini mendapati seramai 260 orang daripada 564 orang responden iaitu 46.1% mempunyai ahli keluarga yang terlibat dalam bidang keusahawanan dan seramai 304 orang responden iaitu 53.9% tidak mempunyai ahli keluarga yang terlibat dalam bidang keusahawanan. Daripada keputusan ini, gambaran umum menunjukkan bilangan responden yang tidak mempunyai ahli keluarga yang terlibat dalam bidang keusahawanan lebih tinggi berbanding mempunyai ahli keluarga yang terlibat dalam bidang keusahawanan. Hal ini menunjukkan kesedaran masyarakat tentang kebaikan bidang keusahawanan masih kurang.

Jadual 2: Ahli keluarga yang memiliki perniagaan

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid Ya	249	44.1	44.1	44.1
Tidak	315	55.9	55.9	100.0
Total	564	100.0	100.0	

Hasil kajian mendapati bilangan responden yang tidak mempunyai ahli keluarga yang memiliki perniagaan lebih tinggi iaitu seramai 315 orang daripada 564 responden (55.9%) dan bagi yang mempunyai ahli keluarga yang memiliki perniagaan hanya 249 orang (44.1%). Ini

membuktikan bahawa memiliki perniagaan bukanlah sesuatu yang mudah dan mampu bagi semua orang.

Ciri Personaliti

Jadual 3: Saya suka menghadiri majlis sosial.

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid Sangat tidak setuju	5	.9	.9	.9
Tidak setuju	46	8.2	8.2	9.0
Tidak pasti	139	24.6	24.6	33.7
Setuju	310	55.0	55.0	88.7
Sangat setuju	64	11.3	11.3	100.0
Total	564	100.0	100.0	

Berdasarkan jadual, kajian menunjukkan majoriti responden iaitu seramai 310 orang (55%) daripada 564 orang responden setuju suka menghadiri majlis sosial. Kekekapan tertinggi yang kedua ialah tidak pasti iaitu seramai 139 orang (24.6%) dan diikuti sangat setuju iaitu 64 orang (11.3%). Seterusnya tidak setuju adalah seramai 46 orang (8.2%) dan paling sedikit ialah sangat tidak setuju iaitu hanya 5 orang (0.9%) daripada jumlah responden. Hal ini membuktikan majoriti responden suka menghadiri majlis sosial.

Jadual 4: Saya bersimpati dengan perasaan orang lain.

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid Sangat tidak setuju	4	.7	.7	.7
Tidak setuju	3	.5	.5	1.2
Tidak pasti	30	5.3	5.3	6.6
Setuju	369	65.4	65.4	72.0
Sangat setuju	158	28.0	28.0	100.0
Total	564	100.0	100.0	

Jadual menunjukkan majoriti responden iaitu seramai 369 orang (65.4%) daripada 564 orang responden setuju bersimpati dengan perasaan orang lain. Kekekapan kedua tertinggi ialah sangat setuju iaitu seramai 158 orang (28.0%) dan diikuti tidak pasti iaitu 30 orang (5.3%). Seterusnya diikuti sangat tidak setuju iaitu seramai 4 orang (0.7%) dan paling sedikit adalah tidak setuju iaitu hanya 3 orang (0.5%) daripada jumlah responden. Hal ini menunjukkan kebanyakan responden mempunyai sifat simpati dalam diri mereka.

Jadual 5: Saya mempunyai daya imaginasi yang baik.

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid Sangat tidak setuju	3	.5	.5	.5
Tidak setuju	33	5.9	5.9	6.4
Tidak pasti	151	26.8	26.8	33.2
Setuju	312	55.3	55.3	88.5
Sangat setuju	65	11.5	11.5	100.0
Total	564	100.0	100.0	

Jadual menunjukkan majoriti responden iaitu seramai 312 orang (55.3%) daripada 564 orang responden setuju mempunyai daya imaginasi yang baik. Kekekapan kedua tertinggi ialah tidak pasti iaitu seramai 151 orang (26.8%) dan diikuti sangat setuju iaitu 65 orang (11.5%). Seterusnya diikuti tidak setuju iaitu seramai 33 orang (5.9%) dan paling sedikit adalah sangat tidak setuju iaitu hanya 3 orang (0.5%) daripada jumlah responden keseluruhan. Hal ini menunjukkan majoriti responden mempunyai daya imaginasi yang baik yang pastinya mampu melahirkan idea yang kreatif dan inovatif.

Jadual 6: Saya banyak bercakap.

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid Sangat tidak setuju	10	1.8	1.8	1.8
Tidak setuju	88	15.6	15.6	17.4
Tidak pasti	137	24.3	24.3	41.7
Setuju	237	42.0	42.0	83.7
Sangat setuju	92	16.3	16.3	100.0
Total	564	100.0	100.0	

Jadual menunjukkan majoriti responden iaitu seramai 237 orang (42.0%) daripada 564 orang responden setuju mempunyai ciri personaliti yang banyak bercakap. Kekekapan kedua tertinggi ialah tidak pasti iaitu seramai 137 orang (24.3%) dan diikuti sangat setuju iaitu 92 orang (16.3%). Seterusnya diikuti tidak setuju iaitu seramai 88 orang (15.6%) dan paling sedikit adalah sangat tidak setuju iaitu hanya 10 orang (1.8%) daripada jumlah responden keseluruhan. Hal ini menunjukkan majoriti responden memiliki personaliti yang banyak bercakap.

Jadual 7: Saya mudah memahami idea yang abstrak.

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid Sangat tidak setuju	4	.7	.7	.7
Tidak setuju	41	7.3	7.3	8.0
Tidak pasti	213	37.8	37.8	45.7
Setuju	274	48.6	48.6	94.3
Sangat setuju	32	5.7	5.7	100.0
Total	564	100.0	100.0	

Jadual menunjukkan perbezaan kecil antara responden yang setuju dan tidak pasti dengan personaliti yang mudah memahami idea yang abstrak iaitu seramai 274 orang (48.6%) daripada 564 orang responden setuju dan seramai 213 orang (37.8%) adalah tidak pasti. Selain itu, jumlah responden yang tidak setuju adalah seramai 41 orang (7.3) manakala sangat setuju adalah seramai 32 orang (5.7%) dan diikuti sangat tidak setuju seramai 4 orang (0.7%) daripada jumlah responden keseluruhan.

Jadual 8: Saya berasa selesa di khalayak ramai.

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid Sangat tidak setuju	21	3.7	3.7	3.7
Tidak setuju	138	24.5	24.5	28.2
Tidak pasti	180	31.9	31.9	60.1
Setuju	190	33.7	33.7	93.8
Sangat setuju	35	6.2	6.2	100.0
Total	564	100.0	100.0	

Jadual menunjukkan perbezaan kecil antara responden yang setuju, tidak setuju dan tidak pasti dengan personaliti yang berasa selesa di khalayak ramai iaitu seramai 190 orang (33.7%) daripada 564 orang responden setuju, seramai 138 orang (24.5%) tidak setuju dan seramai 180 orang (31.9%) adalah tidak pasti. Selain itu, jumlah responden yang sangat setuju adalah seramai 35 orang (6.2%) manakala sangat tidak setuju iaitu seramai 21 orang (3.7%) daripada jumlah responden keseluruhan. Ini menunjukkan bilangan tertinggi ialah pada responden yang setuju dan berasa selesa di khalayak ramai.

Jadual 9: Saya menghormati orang lain.

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid Sangat tidak setuju	2	.4	.4	.4
Tidak setuju	3	.5	.5	.9
Tidak pasti	17	3.0	3.0	3.9
Setuju	271	48.0	48.0	52.0
Sangat setuju	271	48.0	48.0	100.0
Total	564	100.0	100.0	

Jadual menunjukkan jumlah kekerapan yang sama antara responden yang setuju dan sangat setuju dengan personaliti yang menghormati orang lain iaitu seramai 271 orang (48.0%) bagi kedua-duanya. Seterusnya, jumlah responden yang tidak pasti adalah seramai 17 orang (3.0%) manakala tidak setuju hanya seramai 3 orang (0.5%) dan diikuti sangat tidak setuju seramai 2 orang (0.4%) daripada jumlah responden keseluruhan iaitu 564 orang. Keputusan ini membuktikan majoriti responden tidak mementingkan diri sendiri dan menyokong sifat menghormati orang lain.

Jadual 10: Saya memberi perhatian kepada hal-hal yang terperinci.

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid Sangat tidak setuju	2	.4	.4	.4
Tidak setuju	10	1.8	1.8	2.1
Tidak pasti	74	13.1	13.1	15.2
Setuju	338	59.9	59.9	75.2
Sangat setuju	140	24.8	24.8	100.0
Total	564	100.0	100.0	

Jadual menunjukkan majoriti responden iaitu seramai 338 orang (59.9%) daripada 564 orang responden setuju untuk memberi perhatian kepada hal-hal yang terperinci. Kekerapan kedua tertinggi ialah sangat setuju iaitu seramai 140 orang (24.8%) dan diikuti tidak pasti iaitu 74 orang (13.1%). Seterusnya diikuti tidak setuju iaitu seramai 10 orang (1.8%) dan paling sedikit adalah sangat tidak setuju iaitu hanya 2 orang (0.4%) daripada jumlah responden. Hal ini menunjukkan kebanyakan responden suka memberi perhatian kepada hal-hal yang terperinci.

Jadual 11: Saya sentiasa risau tentang sesuatu perkara.

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid Sangat tidak setuju	8	1.4	1.4	1.4
Tidak setuju	70	12.4	12.4	13.8
Tidak pasti	125	22.2	22.2	36.0
Setuju	272	48.2	48.2	84.2
Sangat setuju	89	15.8	15.8	100.0
Total	564	100.0	100.0	

Jadual menunjukkan majoriti responden iaitu seramai 272 orang (48.2%) daripada 564 orang responden setuju dengan personaliti yang sentiasa risau tentang sesuatu perkara. Kekekapan kedua tertinggi ialah tidak pasti iaitu seramai 125 orang (22.2%) dan diikuti sangat setuju iaitu 89 orang (15.8%). Seterusnya diikuti tidak setuju iaitu seramai 70 orang (12.4%) dan paling sedikit adalah sangat tidak setuju iaitu hanya 8 orang (1.4%) daripada jumlah responden keseluruhan. Hal ini menunjukkan kebanyakan responden sentiasa memikirkan tentang sesuatu perkara.

Jadual 12: Saya suka menonjolkan diri.

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid Sangat tidak setuju	37	6.6	6.6	6.6
Tidak setuju	147	26.1	26.1	32.6
Tidak pasti	197	34.9	34.9	67.6
Setuju	148	26.2	26.2	93.8
Sangat setuju	35	6.2	6.2	100.0
Total	564	100.0	100.0	

Jadual menunjukkan perbezaan kecil antara responden yang setuju, tidak setuju dan tidak pasti dengan personaliti yang suka menonjolkan diri iaitu seramai 148 orang (26.2%) daripada 564 orang responden setuju, seramai 147 orang (26.1%) tidak setuju dan seramai 197 orang (34.9%) adalah tidak pasti. Selain itu, jumlah responden yang sangat setuju adalah seramai 35 orang (6.2%) manakala sangat tidak setuju iaitu seramai 37 orang (6.6%) daripada jumlah responden keseluruhan.

Jadual 13: Saya sangat peduli tentang orang lain.

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid Sangat tidak setuju	10	1.8	1.8	1.8
Tidak setuju	51	9.0	9.0	10.8
Tidak pasti	139	24.6	24.6	35.5
Setuju	288	51.1	51.1	86.5
Sangat setuju	76	13.5	13.5	100.0
Total	564	100.0	100.0	

Jadual menunjukkan majoriti responden iaitu seramai 288 orang (51.1%) daripada 564 orang responden setuju dengan personaliti yang sangat peduli tentang orang lain. Kekekapan kedua tertinggi ialah tidak pasti iaitu seramai 139 orang (24.6%) dan diikuti sangat setuju iaitu 76 orang (13.5%). Seterusnya diikuti tidak setuju iaitu seramai 51 orang (9.0%) dan paling sedikit adalah sangat tidak setuju iaitu hanya 10 orang (1.8%) daripada jumlah responden keseluruhan. Hal ini menunjukkan majoriti responden tidak mementingkan diri sendiri.

Jadual 14: Saya tertarik dengan idea yang abstrak.

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid Sangat tidak setuju	4	.7	.7	.7
Tidak setuju	24	4.3	4.3	5.0
Tidak pasti	172	30.5	30.5	35.5
Setuju	305	54.1	54.1	89.5
Sangat setuju	59	10.5	10.5	100.0
Total	564	100.0	100.0	

Jadual menunjukkan majoriti responden iaitu seramai 305 orang (54.1%) daripada 564 orang responden setuju dengan personaliti yang tertarik dengan idea yang abstrak. Kekekapan kedua tertinggi ialah tidak pasti iaitu seramai 172 orang (30.5%) dan diikuti sangat setuju iaitu 59 orang (10.5%). Seterusnya diikuti tidak setuju iaitu seramai 24 orang (4.3%) dan paling rendah adalah sangat tidak setuju iaitu hanya 4 orang (0.7%) daripada jumlah responden keseluruhan. Hal ini menunjukkan kebanyakan responden berfikiran terbuka.

Jadual 15: Saya suka memulakan perbualan.

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid Sangat tidak setuju	20	3.5	3.5	3.5
Tidak setuju	91	16.1	16.1	19.7
Tidak pasti	160	28.4	28.4	48.0
Setuju	240	42.6	42.6	90.6
Sangat setuju	53	9.4	9.4	100.0
Total	564	100.0	100.0	

Jadual menunjukkan majoriti responden iaitu seramai 240 orang (42.6%) daripada 564 orang responden setuju dengan personaliti yang suka memulakan perbualan. Kekekapan kedua tertinggi ialah tidak pasti iaitu seramai 160 orang (28.4%) dan diikuti tidak setuju iaitu 91 orang (16.1%). Seterusnya diikuti sangat tidak setuju iaitu seramai 62 orang (11.0%) dan paling rendah adalah sangat setuju iaitu hanya 53 orang (9.4%) daripada jumlah responden keseluruhan. Hal ini menunjukkan kebanyakan responden adalah peramah.

Jadual 16: Saya menyelesaikan kerja dengan serta merta.

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid Sangat tidak setuju	7	1.2	1.2	1.2
Tidak setuju	57	10.1	10.1	11.3
Tidak pasti	160	28.4	28.4	39.7
Setuju	280	49.6	49.6	89.4
Sangat setuju	60	10.6	10.6	100.0
Total	564	100.0	100.0	

Jadual menunjukkan majoriti responden iaitu seramai 280 orang (49.6%) daripada 564 orang responden setuju dengan personaliti yang menyelesaikan kerja dengan serta merta. Kekekapan kedua tertinggi ialah tidak pasti iaitu seramai 160 orang (28.4%) dan diikuti sangat setuju iaitu 60 orang (10.6%). Seterusnya diikuti tidak setuju iaitu seramai 57 orang (10.1%) dan paling rendah adalah sangat tidak setuju iaitu hanya 7 orang (1.2%) daripada jumlah responden keseluruhan. Hal ini menunjukkan kebanyakan responden tidak suka menanggung sesuatu pekerjaan dan berdisiplin.

Jadual 17: Saya mempunyai banyak perkara untuk dibualkan.

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid Sangat tidak setuju	17	3.0	3.0	3.0
Tidak setuju	88	15.6	15.6	18.6
Tidak pasti	175	31.0	31.0	49.6
Setuju	227	40.2	40.2	89.9
Sangat setuju	57	10.1	10.1	100.0
Total	564	100.0	100.0	

Hasil kajian yang paling tinggi terhadap responden yang mempunyai banyak perkara untuk dibualkan adalah setuju sebanyak 227 responden iaitu 40 peratus. Diikuti dengan tidak pasti sebanyak 175 responden iaitu 31 peratus, tidak setuju sebanyak 88 responden iaitu 15.6 peratus, sangat setuju sebanyak 57 responden iaitu 10.1 peratus dan sangat tidak setuju sebanyak 17 responden iaitu 3 peratus. Hal ini menunjukkan responden mempunyai banyak idea untuk disampaikan.

Jadual 18: Saya sentiasa bersedia.

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid Sangat tidak setuju	12	2.1	2.1	2.1
Tidak setuju	46	8.2	8.2	10.3
Tidak pasti	175	31.0	31.0	41.3
Setuju	283	50.2	50.2	91.5
Sangat setuju	48	8.5	8.5	100.0
Total	564	100.0	100.0	

Kajian ini mendapati seramai 283 responden (50.2 peratus) setuju bahawa responden seharusnya mempunyai ciri personaliti yang sentiasa bersedia manakala selebihnya 175 responden (31 peratus) tidak pasti, 48 responden sangat setuju (8.5 peratus), 46 responden (8.2 peratus) dan 12 responden (2.1 peratus). Hal ini, apabila berlakunya sebarang masalah, seseorang mudah menyelesaikan masalah tersebut dengan cepat.

Jadual 19: Saya mempunyai kosa kata (vocabulary) yang banyak.

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid Sangat tidak setuju	15	2.7	2.7	2.7
Tidak setuju	98	17.4	17.4	20.0
Tidak pasti	256	45.4	45.4	65.4
Setuju	169	30.0	30.0	95.4
Sangat setuju	26	4.6	4.6	100.0
Total	564	100.0	100.0	

Dapatan kajian mendapati seramai 256 responden (45.4 peratus) tidak pasti bahawa responden mempunyai kosa kata (*vocabulary*) yang banyak manakala selebihnya seramai 169 responden (30 peratus) setuju, 98 responden (17.4 peratus) tidak setuju, 26 responden (4.6 peratus) sangat setuju dan berbaki 15 responden (2.7 peratus) sangat tidak setuju. Ini bermaksud ciri pesonaliti yang harus terdapat pada setiap orang adalah mereka seharusnya mempunyai kosa kata yang luas.

Jadual 20: Saya cepat memahami sesuatu perkara.

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid Sangat tidak setuju	4	.7	.7	.7
Tidak setuju	39	6.9	6.9	7.6
Tidak pasti	161	28.5	28.5	36.2
Setuju	297	52.7	52.7	88.8
Sangat setuju	63	11.2	11.2	100.0
Total	564	100.0	100.0	

Hasil kajian yang paling tinggi terhadap responden yang cepat memahami sesuatu perkara adalah setuju sebanyak 297 responden (52.7 peratus). Diikuti dengan tidak pasti sebanyak 161 responden (28.5 peratus), sangat setuju sebanyak 63 responden (11.2 peratus), tidak setuju sebanyak 39 responden (6.9 peratus) dan sangat tidak setuju sebanyak 4 responden (0.7 peratus). Hal ini, jika responden cepat memahami sesuatu perkara, kerja tersebut mudah untuk diselesaikan.

Jadual 21: Saya meluangkan masa saya untuk orang lain.

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid Sangat tidak setuju	14	2.5	2.5	2.5
Tidak setuju	59	10.5	10.5	12.9
Tidak pasti	151	26.8	26.8	39.7
Setuju	281	49.8	49.8	89.5
Sangat setuju	59	10.5	10.5	100.0
Total	564	100.0	100.0	

Kajian ini mendapati seramai 281 responden (49.8 peratus) setuju bahawa responden seharusnya meluangkan masa untuk orang lain manakala selebihnya 151 responden (26.8 peratus) tidak pasti, 59 responden (10.5 peratus) tidak setuju dan sangat setuju, manakala berbaki 14 responden (2.5 peratus) sangat tidak setuju. Hasil dapatan ini didapati responden suka meluangkan masanya untuk orang lain.

Jadual 22: Saya menjalankan tanggungjawab saya.

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid Sangat tidak setuju	3	.5	.5	.5
Tidak setuju	2	.4	.4	.9
Tidak pasti	35	6.2	6.2	7.1
Setuju	347	61.5	61.5	68.6
Sangat setuju	177	31.4	31.4	100.0
Total	564	100.0	100.0	

Dapatan kajian mendapati seramai 347 responden (61.5 peratus) setuju bahawa responden menjalankan tanggungjawabnya manakala seramai 177 responden (31.4 peratus) sangat setuju, 35 responden (6.2 peratus) tidak pasti, 2 responden (0.4 peratus) tidak setuju dan berbaki 3 responden (0.54 peratus) sangat tidak setuju. Ini bermaksud ciri pesonaliti yang harus terdapat pada setiap orang adalah mereka seharusnya menjalankan tanggungjawab mereka. Oleh itu, segala masalah yang timbul dapat diselesaikan dengan cepat jika mereka tahu akan tanggungjawab sendiri.

Jadual 23: Saya memahami emosi orang lain.

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid Sangat tidak setuju	4	.7	.7	.7
Tidak setuju	29	5.1	5.1	5.9
Tidak pasti	119	21.1	21.1	27.0
Setuju	337	59.8	59.8	86.7
Sangat setuju	75	13.3	13.3	100.0
Total	564	100.0	100.0	

Kajian ini mendapati seramai 337 responden (59.8 peratus) setuju bahawa responden memahami emosi orang lain manakala selebihnya 119 responden (21.1 peratus) tidak pasti, 75 responden (13.3 peratus) sangat setuju, 29 responden (5.1 peratus) tidak setuju dan 4 responden (0.7 peratus) sangat tidak setuju. Hal ini, kerana ciri personaliti ini memudahkan responden untuk berurusan dengan orang lain jika responden telah memahami emosi orang tersebut.

Jadual 24: Saya mengikut jadual.

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid Sangat tidak setuju	11	2.0	2.0	2.0
Tidak setuju	57	10.1	10.1	12.1
Tidak pasti	156	27.7	27.7	39.7
Setuju	252	44.7	44.7	84.4
Sangat setuju	88	15.6	15.6	100.0
Total	564	100.0	100.0	

Hasil kajian yang paling tinggi terhadap responden yang mengikut jadual adalah setuju sebanyak 252 responden (44.7 peratus). Diikuti dengan tidak pasti sebanyak 156 responden (27.7 peratus), sangat setuju sebanyak 88 responden (15.6 peratus), tidak setuju sebanyak 57 responden (10.1 peratus) dan sangat tidak setuju sebanyak 11 responden (2 peratus). Hal ini menunjukkan responden akan menyiapkan tugas yang diberi mengikut masa yang telah ditetapkan.

Kesimpulan

Ciri personaliti yang baik menunjukkan peratusan yang tinggi dalam melahirkan usahawan berjaya. Binalah personaliti tersebut dan jadikannya sebagai akhlak diri yang sehati dalam diri. Dengan itu, personaliti yang baik dan menarik seperti sentiasa bersedia menghadapi cabaran,

mesra dalam pergaulan dan sentiasa mempunyai idea yang kreatif dapat membantu dalam pembentukan ciri-ciri sebagai seorang usahawan yang berjaya. Di Universiti Utara Malaysia, pelajar-pelajar sentiasa diberi pemahaman dan ilmu terkini dalam bidang keusahawanan ini untuk melahirkan usahawan yang berdaya saing terutama dalam dunia yang sangat mencabar pada masa kini.

Rujukan

- Costa, P. T., McCrae, R. R., & Holland, J. L. (1984). Personality and vocational interests in an adult sample. *Journal of Applied Psychology*, 69(3), 390–400. <http://doi.org/10.1037//0021-9010.69.3.390>
- Crant, M. J. (1996). The Proactive Personality Scale as a Predictor of Entrepreneurial Intention The Proactive. *Journal of Small Business Management*, (May), 42–50. <http://doi.org/10.1287/isre.13.2.205.83>
- Institut Keusahawanan Negara Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. (2009). Perancangan Penyelidikan, Strategi dan Pelan Tindakan Pembangunan Keusahawanan Siswa/Siswazah 2010. Kuala Lumpur: Institut Keusahawanan Negara.
- Koe Hwee Nga, J., & Shamuganathan, G. (2010). The Influence of Personality Traits and Demographic Factors on Social Entrepreneurship Start Up Intentions. *Journal of Business Ethics*, 95(2), 259–282. <http://doi.org/10.1007/s10551-009-0358-8>
- Lent, R. W., Lopez, A. M., Lopez, F. G., & Sheu, H.-B. (2008). Social cognitive career theory and the prediction of interests and choice goals in the computing disciplines. *Journal of Vocational Behavior*, 73(1), 52–62. <http://doi.org/10.1016/j.jvb.2008.01.002>
- Mohamed Khaled Nordin. (2007). Keusahawanan Dasar, Pembangunan dan Pembudayaan. Putrajaya:Kementerian Pembangunan Usahawan Dan koperasi.
- Norasmah Hj. Othman dan Halimah Harun. (2007). Keusahawanan Remaja Malaysia. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Syed Zamber Ahmad. (2009). Keusahawanan Teori, Proses dan Amalan. Selangor: Leeds Publications (M) Sdn. Bhd.
- Wilson, F., Kickul, J., & Marlino, D. (2007). E T & P Intentions: Implications for Entrepreneurship. *Entrepreneurship Theory and Practice*, (617), 387–407.
- Zhao, H., & Seibert, S. E. (2006). The big five personality dimensions and entrepreneurial status: a meta-analytical review. *The Journal of Applied Psychology*, 91(2), 259–71. <http://doi.org/10.1037/0021-9010.91.2.259>
- Zaidatol Akmaliah Lope Pihie. (2007). *Usahawan dan keusahawanan satu perspektif pendidikan*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Zafir Mohd Makhbul dan Fazilah Mohamad Hasun. (2017). *Keusahawanan & mengurus prestasi sumber manusia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zain, Akram dan Ghani. (2010). Enterprenurship Intention Among Malaysian Business Students, *Canadian Sosial Science*, ISSN 1712-8056, Vol. 6, No 3, pp. 34-44, www.cscanada.org,[http://www.researchgate. Net/publication](http://www.researchgate.Net/publication).